

Newspaper	Berita Harian
Date	13 November 2015

# Najib sedia beri kerjasama penuh

BH  
-13/11/2015

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed, berkata pihaknya sudah menghubungi Pejabat Perdana Menteri dan mendapat persetujuan Najib untuk ditemubual dan mengambil keterangan bagi membantu siasatan.

## Lengkapkan siasatan

Katanya, SPRM menasaskan untuk melengkapkan siasatan kes 1MDB sebelum akhir tahun ini dengan syarat boleh mendapatkan akses kepada dua pengarah syarikat itu yang menjadi saksi penting tetapi masih berada di luar negara bagi merekodkan keterangan.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai SPRM Siri 16 (Penolong Penguasa Gred P29) dan Siri 17 bilangan (Penguasa Gred P41), di Padang Kawad Kompleks SPRM Johor, di sini semalam.

Abu Kassim mengulas kenyataan Mohamed Apandi, kelmarin yang meminta SPRM merakamkan kenyataan Perdana Menteri berkenaan wang dana RM2.6 bilion yang diterimanya.

Mohamed Apandi dalam temubual bersama sebuah laman portal itu juga mengatakan sudah mengarah SPRM melengkapkan siasatan terhadap bekas anak syarikat 1MDB, SRC International dan derma RM2.6 bilion sebelum akhir tahun ini.

» **Bantu SPRM siasat kes sumbangan dana politik**

Oleh Haspaizi Mohd Zain, Mohd Fahmi Mohd Yusof dan Nurul Amanina Suhaini  
bhjb@bh.com.my

Kuala Lumpur

**D**atuk Seri Najib Razak akan memberi kerjasama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang ingin merakam keterangannya berhubung kes sumbangan dana politik sebanyak RM2.6 bilion.

Perdana Menteri dalam satu entri di laman sosial Facebooknya berkata, beliau dimaklumkan mengenai perkara itu oleh Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali.

"Saya akan berbuat demikian dan memberi kenyataan kepada SPRM dalam masa ter-

"Sememangnya menjadi hasrat saya untuk memberi kerjasama sepenuhnya dalam siasatan kes ini memandangkan ia sudah menimbulkan pelbagai tuduhan dan fitnah"

Najib Razak,  
Perdana Menteri

dekat berhubung sumbangan dana politik berkenaan. Saya akan memberi kerjasama dan keterangan kepada SPRM agar siasatan ini dapat disiapkan secepat mungkin.

## Bantu siasatan

"Sememangnya menjadi hasrat saya untuk memberi kerjasama sepenuhnya dalam sia-

satan kes ini memandangkan ia sudah menimbulkan pelbagai tuduhan dan fitnah," katanya.

Di **Johor Bahru**, SPRM meningesahkan akan mengambil keterangan Perdana Menteri bagi membantu siasatan kes 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan dana RM2.6 bilion.

